

MPC-UniSZA meterai MoU jalin kerjasama

Oleh ROSALINDA MD-SAID

KUALA TERENGGANU 27 Ogos - Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) terus mengorak langkah memperluaskan hubungan dua hala dan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi apabila memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Universiti Sultan Zaimal Abidin (UniSZA).

Ketua Pengarahnya, Datuk Mohd. Razali Hussain berkata, menerusi kerjasama terbaharu itu kedua-dua pihak akan menyediakan empat rangka kerja am yang telah digariskan bersama meliputi bidang akademik, penyelidikan, pembangunan dan komersialisasi serta latihan yang berkaitan.

Katanya, usaha itu juga selaras tanggungjawab pihak MPC dalam Rancangan Malaysia Ke-10 untuk mengkaji semula peraturan-peraturan perniagaan dalam membantukan kerajaan meningkatkan daya saing negara.

"MPC melihat jalinan kerjasama ini sebagai peluang untuk membantu meningkatkan kualiti, produktiviti, kecekapan dan daya saing UniSZA



YAHAYA Ibrahīm (kiri) bertukar dokumen perjanjian persefahaman (MoU) dengan Mohd. Razali Hussain sambil disaksikan oleh Wan Ismail Wan Yusoh.

selaras untuk merealisasikan visi yang disasarkan.

"Kaedah pendekatan yang kita sedang pelopori ketika ini adalah

'Amalan Baik Peraturan dan Daya Saing Ekonomi' dan ia akan diguna pakai dalam menjayakan sinergi bersama UniSZA," katanya dalam sidang akhbar selepas majlis menandatangani MoU antara MPC

menjalankan usaha sama dalam projek dan aktiviti yang dilaksanakan secara berterusan beserta bantuan kepakaran teknologi bagi meningkatkan prestasi.

Katanya, memandangkan fokus aktiviti MPC adalah untuk mengkaji peraturan-peraturan pemia-gaan maka, MPC mencadangkan agar pelaksanaan aktiviti di bawah MoU itu diketuai oleh Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa bagi pihak UniSZA.

Bagaimanapun, katanya, aktiviti yang bakal dilaksanakan itu kelak tidak terhad kepada fakulti berkenaan semata-mata dan akan melibatkan semua fakulti dan pusat tanggungjawab di UniSZA.

Sementara itu, Yahaya dalam ucapannya berkata, pihak pengurusan akademik UniSZA sentiasa mencari ruang dan peluang untuk menjalin kerjasama dengan pihak luar bagi memperkasakan perkongsian idea yang memberi manfaat kepada semua pihak.

Katanya, usaha itu selaras proses transformasi pengurusan dan pentadbiran UniSZA yang berkembang pesat daripada segi penggunaan akademik, penambahan bilangan pelajar dan pembangunan fizikal kampus tersebut ketika ini.

